

# Hormati Pensyarah, Tentu Kecemerlangan

Kejayaan pelajar di pusat pengajian tinggi banyak bergantung kepada kerja keras dan inisiatif diri sendiri kerana segala keperluan pembelajaran yang canggih telah disediakan oleh kerajaan dan tiada alasan untuk tidak berjaya, demikian menurut Dato' Haji Zainal Abidin Haji Zin, Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia di 'Program Bersama Tokoh' anjuran Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) pada 8 Julai 2005 lalu.

Program yang telah berlangsung di Dewan Warisan, Kangar itu diadakan bersempena dengan Minggu Suaikenal Pelajar-Pelajar Baru Sidang Akademik 2005/2006, Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia. Turut hadir dalam program yang berlangsung selama lebih kurang dua jam itu ialah Lt. Kol. Prof.

Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM, Pegawai-pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal (PPMS) dan seramai 708 orang pelajar-pelajar baru.





“Segala kemudahan dan prasarana telah disediakan oleh kerajaan selengkapnya. Cemerlang atau tidak sesebuah universiti banyak bergantung kepada para pelajarnya sendiri. Ia dapat dicapai sekiranya para pelajar memahami tugas dan tanggung jawab sebenar mereka sebagai pelajar. Jangan sia-siakan harapan ibu bapa yang telah banyak berkorban, begitu juga kepada pihak universiti khususnya para pensyarah”.

“Para pelajar harus taat dan menghormati para pensyarah. Anggap lah mereka itu sebagai ibu-bapa anda sendiri. Bila anda semua berjauhan dari keluarga, maka pensyarah lah ibu bapa anda di universiti. Jika mereka tidak dihormati maka tidak akan berkat ilmu yang dipelajari dan sukar untuk mencapai kejayaan yang cemerlang, “tegas beliau yang percaya KUKUM akan menjadi sebuah universiti yang dikagumi suatu hari nanti.

Di dalam program itu juga, Dato’ Haji Zainal Abidin yang juga Yang Dipertua PEMADAM Kebangsaan serta mesra dengan panggilan ‘Abah’ turut mengingatkan para pelajar supaya menjaga tatasusila dan sahsiah diri mereka sebagai mahasiswa-mahasiswi universiti. Mereka katanya lagi bukan sahaja harus menjaga nama baik keluarga malah universiti tempat mereka belajar.

